

## **Privacy Notice for MRCB's Website**

This privacy notice ("Notice") is issued by Malaysian Resources Corporation Bhd and its holding, related and subsidiary companies, (collectively "MRCB", "we", "us", "our") for the purpose of informing you how we process your personal data when you use or access our website, when you communicate and interact with us and/or when you provide your personal data by filling up and submitting our prescribed forms.

By using and accessing our website and/or by communicating or interacting with us and/or by providing your personal data by filling up and submitting the prescribed forms, you consent to the collecting, recording, holding, storing, use, transfer and processing of your personal data by us in accordance with the terms and condition (as amended by us from time to time) of this Notice.

### **What Personal Data Do We Collect?**

Personal data generally means any information that personally identifies you. The type of personal data which may be processed by us may include but not limited to your name, address, designation, email address, fax number, contact details and such other personal information provided by you or third parties.

### **Source of Personal Data?**

Personal data collected will mainly be from you. However, we may also collect some personal data from other available sources including but not limited to credit reporting agencies, government department or agencies, public registries, websites and publications.

### **How We Use Your Personal Data?**

Your personal data may be processed by us for all or any of the following purposes: (a) to verify your identity; (b) to communicate with you; (c) to respond to your inquiries; (d) to transact with you and/or provide services to you; (e) to send you materials such as brochures, newsletter, articles, write ups and marketing information; (f) to comply with legal and/or regulatory requirements; (g) to assist in the prevention, detection or investigation of crime or possible criminal activities or for the administration of justice; (h) for our day to day operations and administrative purposes; (i) for security and internal audit purposes including monitoring emails, mailboxes and correspondences; (j) for such other purposes as may be directed or consented to by you; and (k) for any other relevant purposes that are related to the purpose you submit your personal data to us. (collectively "Purposes")

### **To Whom We Disclose Your Personal Data**

Under certain circumstances, we may disclose your personal data to third parties. Third parties may be as follows: (a) any persons directed by or consented to by you; (b) any person for the purposes of compliance with legal and regulatory requirements of Malaysia; (c) our holding companies, subsidiaries and/or affiliates; (d) our data processors i.e. third party who we engage to process personal data on our behalf including but not limited to archival storage, data entry service providers, website service provider, computer backup services, disaster recovery services, bank and financial institutions; and (e) our professional advisers including but not limited to legal advisers, tax advisers, financial advisers, auditors and insurance brokers/insurers.

We may be required to transfer your personal data outside of Malaysia for the Purposes and to such third parties stated in this Notice. Further, the transfer of your personal data outside Malaysia would also be required if you are travelling or based outside Malaysia.

### **Data Access and Data Correction**

You may request to: (a) access your personal data; (b) correct or update your personal data; or (c) withdraw your consent or limit the use of your personal data by submitting your written request to:

**PDPA Compliance Officer**  
**Malaysian Resources Corporation Bhd**  
Level 33, Menara Allianz Sentral  
No. 203, Jalan Tun Sambanthan  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +60(3) 2786 8080  
Fax: +60(3) 2780 7988  
Email: PDPA@MRCB.com

We will make all reasonable and practicable efforts to comply with your request, so long as it is consistent with applicable law. An administrative charge may be imposed for any request under paragraphs (a), (b) and (c) above.

**Disclaimer**

The accuracy and completeness of your personal data depends on the information you provide. We assume that the information you have provided is accurate, up to date and complete unless you inform us otherwise. Where you provide any third-party information to us, it is our assumption that such information is accurate, up to date and complete and that you have obtained the necessary consent to disclose the same.

**Conflict**

In the event that there is any conflict between the English and Malay version of this Notice, the English language version shall prevail.

## **Notis Privasi untuk Laman Web MRCB**

Notis Privasi (“**Notis**”) ini dikeluarkan oleh Malaysian Resources Corporation Bhd dan syarikat-syarikat pegangan, berkaitan dan anak-anak syarikat, (“**MRCB**”, “**kami**”) untuk memaklumkan kepada anda bagaimana kami memproses data peribadi anda apabila anda menggunakan atau mengakses laman web kami, apabila anda berkomunikasi dan berinteraksi dengan kami dan/atau apabila anda membekalkan data peribadi anda kepada kami dengan cara mengisi dan menyerahkan borang yang telah ditetapkan oleh kami.

Dengan menggunakan dan mengakses laman web kami dan/atau berkomunikasi dan berinteraksi dengan kami dan/atau dengan membekalkan data peribadi anda kepada kami dengan cara mengisi dan menyerahkan borang yang telah ditetapkan oleh kami, anda telah memberikan persetujuan untuk kami mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, menggunakan, memindah dan memproses data peribadi anda berdasarkan terma-terma dan syarat (sebagaimana yang dipinda oleh kami dari semasa ke semasa) di bawah Notis ini.

### **Apakah Data Peribadi yang Kami Kumpul**

Data peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang mengenal pasti anda, atau yang melaluinya identiti anda boleh disimpulkan. Jenis-jenis data peribadi yang mungkin akan kami proses adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat, jawatan yang disandang, alamat emel, nombor faks, butir-butir untuk dihubungi dan maklumat peribadi lain yang dibekalkan oleh anda atau pihak-pihak ketiga.

### **Sumber Data Peribadi**

Kebanyakan data peribadi yang dikumpul oleh kami adalah data peribadi yang dikemukakan kepada kami oleh anda. Walaubagaimanpun, data peribadi anda juga boleh dikumpul oleh kami dari sumber-sumber yang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi-agensi pelaporan kredit, agensi-agensi atau jabatan kerajaan, pendaftaran awam, laman-laman web dan syarikat penerbitan.

### **Bagaimana Kami Menggunakan Data Peribadi Anda**

Data peribadi anda mungkin akan diproses oleh kami bagi semua atau mana-mana tujuan yang berikut: (a) untuk pengesahan identiti anda; (b) untuk berkomunikasi dengan anda; (c) untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan anda; (d) untuk menjalankan transaksi dengan anda dan/atau untuk menyediakan perkhidmatan untuk anda; (e) untuk menghantar bahan-bahan seperti risalah, surat berita, artikel, bahan penulisan dan maklumat pemasaran kepada anda; (f) untuk memenuhi kehendak undang-undang dan/atau pengawalseliaan; (g) untuk membantu pencegahan atau penyiasatan jenayah atau kemungkinan aktiviti-aktiviti jenayah atau bagi pentadbiran keadilan; (h) bagi tujuan operasi harian dan pentadbiran kami; (i) bagi tujuan audit dalaman dan keselamatan termasuk pemantauan emel, peti-peti surat dan surat-menyurat; (j) bagi tujuan-tujuan lain sebagaimana yang diarahkan atau yang telah diberikan persetujuan oleh anda; dan (k) bagi segala tujuan lain yang relevan yang berkaitan tujuan data peribadi anda diserahkan kepada kami. (Secara kolektifnya dirujuk sebagai “**Tujuan-tujuan**”)

### **Penzahiran Maklumat Peribadi Anda**

Di bawah keadaan-keadaan tertentu, kami boleh menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga berikut: (a) mana-mana orang yang diarahkan atau yang telah diberikan persetujuan oleh anda; (b) mana-mana orang bagi tujuan pematuhan keperluan undang-undang dan pengawalseliaan; (c) syarikat induk, anak-anak syarikat dan/atau syarikat berkaitan dengan kami; (d) pemproses data iaitu pihak ketiga yang akan diguna khidmat bagi memproses data peribadi bagi pihak kami termasuk tetapi tidak terhad kepada storan arkib, pemberi khidmat kemasukan data, perkhidmatan-perkhidmatan sokongan computer, perkhidmatan-perkhidmatan pemulihan bencana, bank-bank dan institusi-institusi kewangan dsb; dan (e) penasihat-penasihat professional kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat-penasihat undang-undang, penasihat-penasihat cukai, penasihat-penasihat kewangan, juruaudit-juruaudit, broker-broker insurans.

Kami mungkin akan memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia bagi Tujuan-tujuan dan kepada

pihak ketiga yang dinyatakan di dalam Notis ini. Selanjutnya, pemindahan data peribadi anda ke luar Malaysia akan diperlukan sekiranya anda melancong atau berada di luar Malaysia.

**Akses dan Pembetulan**

Jika anda ingin: (a) akses data peribadi anda; (b) memperbetulkan atau mengemaskini data peribadi anda; atau (c) menarikbalik persetujuan anda atau mengehadkan penggunaan data peribadi anda, sila hantar permintaan anda kepada:

**Pegawai Pematuhan PDPA  
Malaysian Resources Corporation Bhd**

Level 33, Menara Allianz Sentral  
No. 203, Jalan Tun Sambanthan  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +60(3) 2786 8080

Fax: +60(3) 2780 7988

Emel: PDPA@MRCB.com

Caj pentadbiran akan dikenakan bagi permintaan di bawah perenggan (a), (b) dan (c) di atas. Kami berhak untuk menolak permintaan anda jika dibenarkan di bawah undang-undang.

**Penafian**

Ketepatan dan kelengkapan data peribadi anda bergantung pada maklumat yang anda berikan. Kami menganggap bahawa maklumat yang anda berikan adalah tepat, terkini dan lengkap melainkan jika anda memaklumkan sebaliknya kepada kami. Kami menganggap bahawa maklumat pihak ketiga yang anda berikan kepada kami termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat bekas majikan atau maklumat keluarga adalah tepat, terkini dan lengkap dan anda telah mendapatkan persetujuan yang sewajarnya untuk menzahirkan maklumat tersebut.

**Percanggahan**

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.